

**TAWARAN MENYERTAI SKIM SANGKUTAN DAN LATIHAN (SSL)
BAGI GRADUAN SISWAZAH DAN DIPLOMA YANG BELUM MENDAPAT
PEKERJAAN**

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia berasal dari Sabah yang berkelayakan untuk menyertai Skim Sangkutan dan Latihan (SSL) bagi Graduan Siswazah/Diploma yang belum mendapat pekerjaan seperti berikut: -

(i) **Graduan Siswazah**

No. Notis	:	JPAN Bil. 5/2012
Penempatan	:	Pelbagai Kementerian/Jabatan Kerajaan Negeri Sabah
Bilangan pengambilan	:	35 orang
Elaun	:	RM1000.00 Sebulan
Tempoh Latihan	:	Lapan (8) bulan * Tertakluk kepada prestasi semasa*

(ii) **Diploma**

No. Notis	:	JPAN Bil. (D)3/2012
Penempatan	:	Pelbagai Kementerian/Jabatan Kerajaan Negeri Sabah
Bilangan pengambilan	:	15 orang
Elaun	:	RM750.00 Sebulan
Tempoh Latihan	:	Lapan (8) bulan * Tertakluk kepada prestasi semasa*

2.0 SYARAT KEMASUKAN

Pemohon hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: -

- (a) warganegara Malaysia (yang mana salah seorang ibu atau bapa berasal dari Sabah);
- (b) graduan dan pemegang Diploma yang belum mendapat pekerjaan;
- (c) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. **(Bagi Graduan Siswazah)**
- (d) Diploma yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. **(Bagi pemegang Diploma)**

dan

- (e) Lulus Sijil Pelajaran Malaysia atau yang setaraf dengannya serta Kejujuran Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

3.0 CARA MEMOHON

3.1 Borang Permohonan (JPAN-SSL/5 dan JPAN-SSL(D)3) boleh diperolehi daripada Urus Setia SSL Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri, Tingkat 5, Wisma Perindustrian, KOTA KINABALU atau melalui laman web <http://www.sabah.gov.my/jpan>.

3.2 Borang Permohonan yang telah lengkap diisi dan ditandatangani hendaklah dihantar bersama salinan sijil **yang telah disahkan benar** seperti berikut: -

- (i) Salinan Sijil Kelahiran;
- (ii) Salinan Kad Pengenalan;
- (iii) Salinan Sijil Lahir dan Kad Pengenalan kedua ibubapa;
- (iv) Salinan Ijazah Sarjana Muda/Diploma;
- (v) Salinan Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang setaraf dengannya; **dan**
- (vi) Dokumen-dokumen lain yang berkaitan dan disyaratkan dalam iklan ini.

Kepada : Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Perkhidmatan
Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah
Tingkat 5, Wisma Perindustrian
88400 KOTA KINABALU

(U/P: Unit Pelantikan)

Sebelum atau pada : 10 Oktober 2011

3.3 Permohonan yang diterima daripada calon-calon yang tidak memiliki kelayakan yang disyaratkan dalam iklan dan tidak mengemukakan salinan dokumen seperti di perenggan 3.2 tidak akan dilayan.

3.4 Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk Temuduga.

- 3.5 Pemohon-pemohon yang tidak mendapat sebarang jawapan selepas tiga bulan dari tarikh tutup iklan, hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- 3.6 Pihak Kerajaan Negeri tidak terikat untuk memberi pekerjaan tetap atau sementara kepada para peserta skim selepas menamatkan latihan.

Iklan tawaran menyertai skim ini boleh juga dilayari melalui laman web **<http://www.sabah.gov.my/jpan>**

